



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MAKLUM BALAS BERKENAAN LAPORAN KESAN ADVERS SUSULAN
IMUNISASI OLEH KLINIK KESIHATAN PENJARA KAJANG**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merujuk kepada surat daripada Penjara Kajang yang telah tular di media sosial berkenaan 18 kes mengalami kesan advers susulan imunisasi (AEFI) serius yang dilaporkan di dalam kalangan penerima vaksin COVID-19 melalui Program Vaksinasi Banduan Penjara Kajang di penjara tersebut.

Adalah dimaklumkan bahawa KKM melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) memantau secara berterusan keselamatan penggunaan semua vaksin termasuk vaksin COVID-19 melalui pemantauan laporan AEFI. Kesemua laporan yang dinyatakan dalam surat tersebut telah diterima oleh pihak NPRA. Laporan-laporan AEFI yang diklasifikasikan sebagai serius termasuk yang melibatkan kematian sedang dalam proses penyiasatan.

Pada masa yang sama, siasatan juga telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat lengkap dan seterusnya, laporan siasatan akan dibentangkan untuk dinilai oleh Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19 (JFK) bagi mengesahkan kausaliti atau hubungkait antara vaksin dengan kesan advers yang dilaporkan. KKM akan memaklumkan situasi semasa laporan kepada umum dari semasa ke semasa.

**DR ROSHAYATI BINTI MOHAMAD SANI
PENGARAH BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA (NPRA)**

4 JANUARI 2022